

Prestasi E KUINAS kukuh

Oleh Syarifah Dayana
Syed Bakri
dayana@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

■ Pencapaian tahun lalu cerminkan kejayaan strategi laksana inisiatif transformasi syarikat

Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM665.9 juta bagi pencapaian tahunan kewangan keempatnya yang berakhir 31 Disember 2013.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, pencapaian berkenaan dicatatkan melalui Dana EKUINAS Direct (Tranche I) dengan kadar pulangan dalaman (IRR) kasar tahunan 25.5 peratus.

“Melalui dana berkenaan juga, EKUINAS mencatatkan IRR bersih tahunan 20.4 peratus melebihi sasaran pulangan tahunan jangka panjang minimum 12 peratus dan sasaran 20 peratus ditetapkan sebelum ini,” katanya selepas pengumuman prestasi kewangan EKUINAS di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi EKUINAS Tan Sri Raja Arshad Tun Raja Uda.

Menurutnya, prestasi EKUINAS yang terus kukuh pada tahun lalu mencer-



ABDUL Wahid (tengah) bersama Raja Arshad (kiri) dan Abdul Rahman melihat buku tahunan EKUINAS 2013.

minkan kejayaan strategi ekuiti persendirian dalam melaksanakan inisiatif mentransformasikan syarikat dan meningkatkan nilai pemegang saham.

“Pencapaian yang menggalakkan ini membuktikan keberkesanan model ekuiti persendirian EKUINAS da-

lam meningkatkan penyer-taan ekonomi Bumiputera,” katanya.

Dalam tahun keempat operasinya, EKUINAS melaksanakan sembilan pelaburan secara langsung dan menerusi penyumberan luar dengan modal komited berjumlah RM246.8 juta.

Program Penyumberan Luar EKUINAS berkembang pantas dengan enam pelaburan baru bernilai RM210.3 juta dengan sumbangan modal EKUINAS bernilai RM125.7 juta.

Jumlah pelaburan kumulatif dilaksanakan EKUINAS sejak penubuhannya kepa-

da 24 pelaburan dengan anggaran nilai RM1.8 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif EKUINAS Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, pihaknya melihat tahun ini sebagai tahun mencabar terutama dalam memilih pelaburan dan mendapatkannya pada harga yang tepat.

“Kami menjalankan pemilihan medium pelaburan dengan teliti bagi me-

mastikan ia dibuat pada masa yang betul ke atas syarikat yang tepat pada harga yang mampu dibayar.

“Untuk tahun ini, kami juga akan meninjau peluang baru terutama dari sektor kesihatan dan dengan dana tambahan RM600 juta yang diterima daripada kerajaan tahun lalu dijangka dapat membantu merealisasikan usaha ini,” katanya.

Tahun lalu, EKUINAS membuat tiga pelaburan baru ke atas tiga syarikat iaitu Prima Baguz Sdn Bhd, Burger King Malaysia dan APIIT Lanka dengan jumlah RM121.1 juta.

FAKTA
EKUINAS
mencatatkan IRR
bersih tahunan
20.4 peratus